

# 9 anggota polis edar dadah dalam lokap kena tahan

Kegiatan terbongkar susulan ujian saringan air kencing tahanan positif

Oleh Omar Ahmad  
bhnews@bh.com.my

**Johor Bahru:** Sembilan anggota polis dan seorang awam ditahan selepas terbabit pengedaran dadah dalam lokap di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kota Tinggi, dekat sini, pada 29 November lalu.

Penahanan dilakukan susulan ujian saringan air kencing oleh Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) IPD Kota Tinggi ke atas tahanan di lokap berkenaan, sekali gus membongkar kegiatan pengedaran dadah di premis itu.

Ketua Polis Johor, Datuk Ayob Khan Mydin Pitchay, berkata sembilan anggota polis ditahan berusia antara 20 hingga 36 tahun termasuk seorang wanita, semua berpangkat Koperal hingga Konstabel dan masing-masing adalah penjaga lokap terbabit.

Sementara orang awam pula, katanya membabitkan wanita berusia 23 tahun yang juga anak kepada seorang tahanan di lokap itu yang dikenali sebagai 'Datuk Ajim'.

Mengulas lanjut, beliau berkata ujian saringan air kencing ke atas 16 banduan yang ditahan di lokap itu pada 22 November lalu, mendapati lima positif dadah jenis methamphetamine.

"Pada 29 November pula, JSJN dari Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Johor dibantu Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard (JIPS) membuat pemeriksaan di lokap berkenaan dan merampas dadah jenis syabu seberat 38.65



**Ayob Khan (tengah) bersama empat pegawai** (dari kiri) Insp Shahrul Rizal Abd Kadir, ASP Saifullah Jaya@Yahya, Insp Mohd Badri Othman dan Insp Mohd Irwan Rasul yang menerima sijil penghargaan kerana menolak wang suapan di Ibu Pejabat Polis Kontinjen Johor, semalam. (Foto BERNAMA)

gram bernilai RM3,865; 42.25 gram heroin bernilai RM2,112.50 dan sejumlah tembakau," katanya ketika sidang media semalam.

Ayob Khan berkata, ujian susulan terhadap 129 tahanan di lokap IPD berkenaan mendapati 22 daripada tahanan berusia antara 20 hingga 45 tahun positif dadah termasuk seorang warga asing.

Susulan itu, katanya tangkapan dibuat terhadap sembilan anggota dan seorang awam. Hasil ujian saringan mendapati dua anggota polis dan wanita awam itu positif dadah jenis methamphetamine.

"Malah, seorang daripada anggota yang positif mempunyai satu rekod kesalahan lampau pada 2017 di bawah Seksyen 395 Kanun Keseksaan membabitkan samun berkumpulan," katanya.

Berdasarkan siasatan, Ayob Khan berkata anggota polis terbabit dipercayai menerima upah antara RM50 hingga RM1,500 setiap kali melakukan penghantaran dadah, dengan kegiatan dipercayai bermula sejak awal No-



**Dadah yang dirampas** dalam pemeriksaan di lokap IPD Kota Tinggi.

vember tahun ini.

"Mereka bersekongkol dengan pihak luar seperti kes ini anak perempuan 'Datuk Ajim' ini yang bawa (dadah) dan beri kepada anggota lokap, sebelum anggota menyerahkannya kepada banduan.

"Siasatan mendapati satu sel dalam lokap IPD berkenaan dijadikan 'port' menghisap dadah," katanya.

Dalam pada itu, beliau memaklumkan JIPS di IPK Johor membuka kertas siasatan tata-

tertib kepada tiga pegawai kanan polis Kota Tinggi, berhubung pengedaran dadah dalam lokap itu.

Katanya, siasatan lanjut masih dijalankan sekiranya terdapat mana-mana pegawai atau anggota lain terbabit dalam kes berkenaan.

"Saya tekankan sejak saya mengambil alih negeri ini, aspek penyeliaan, kalau ketua polis daerah tidak selia dengan betul inilah yang akan berlaku," katanya.